

Ucapan bekas pemimpin dalam Berita Perdana

KUALA LUMPUR 1 Jan. - Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) akan menyiarkan ucapan bekas pemimpin dan tokoh-tokoh kemerdekaan negara dalam Berita Perdana mulai malam, esok sehingga 31 Ogos depan.

Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin Maidin berkata, slot yang memakan masa antara tiga hingga lima minit itu adalah sebahagian daripada 29 program RTM sempena sambutan kemerdekaan negara yang ke-50.

"Selain program televisyen, 40 program berbentuk dokumentari, sketsa dan pertandingan akan disiarkan di semua saluran radio RTM termasuk 121 program di stesen radio di semua negeri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan klip video *Negaraku Gagah Gemilang* dan Program-program Sambutan Kemerdekaan Ke-50 di sini, hari ini.

Menurut Zainuddin, selain penyiaran dokumentari pendek, pihaknya juga akan menyiarkan klip video bertajuk *Negaraku Gagah Gemilang* yang memaparkan peristiwa dan sejarah kemerdekaan dari semasa ke semasa.

"Kementerian akan menterjemahkan ciri-ciri keperkasaan ke-50 tahun negara menerusi pelbagai program yang disediakan oleh semua jabatan terlibat dengan tema *Negaraku Gagah Gemilang*," katanya.

Ujarnya, Pertubuhan Berita Nasional (Bernama) akan menerbitkan 50 rencana khas, bertemakan perjuangan kemerdekaan negara termasuk penerbitan buku bergambar dan klip berita khas mengenai

sejarah negara.

Beliau berkata, Filem Negara juga tidak terkecuali daripada menerbitkan filem atau slot mengenai Jalur Gemilang dan sambutan kemerdekaan ke-50 kelak.

Kata beliau, semua program kemerdekaan yang disiarkan RTM akan disertai pelbagai lapisan masyarakat bertujuan memupuk semangat perpaduan dalam masyarakat.

Sebagai contoh, katanya, program persembahan kumpulan boria yang disiarkan dalam salah sebuah program hiburan RTM akan dibuat dalam pelbagai bahasa seperti Kantonis dan Tamil.

Sementara itu, dalam satu kenyataan, beliau berkata *Asyik FM*, siaran radio RTM khusus untuk masyarakat Orang Asli, memulakan siaran 14 jam sehari mulai hari ini iaitu tambahan lima jam berbanding siaran sebelum ini.

Penambahan masa siaran itu dilakukan bagi memenuhi permintaan yang telah dinyatakan oleh beberapa anggota Parlimen bagi memenuhi keperluan lebih 147,000 orang masyarakat Orang Asli di seluruh negara.

Menurutnya, siaran *Asyik FM* bukan sahaja dapat memenuhi keperluan hiburan masyarakat itu tetapi juga dipenuhi dengan pelbagai maklumat dan informasi kepada mereka.

mm - 2/11/2007

Semua program kemerdekaan yang disiarkan RTM akan disertai pelbagai lapisan masyarakat bertujuan memupuk semangat perpaduan dalam masyarakat

ZAINUDDIN MAIDIN
Menteri Penerangan